

## ORANG JAWA DI BORNEO UTARA: SATU NOTA AWAL

Khazin Mohd. Tamrin

Pespektif Sejarah Malaysia kini nampaknya kian bertambah baik dan penuh dengan maklumat-maklumat yang menarik dan amat berguna, khususnya bagi melihat keadaan masyarakat dan perkembangannya dari sudut sejarah. Salah satu aspek yang sedang berkembang ialah perhatian yang sedang diberi terhadap peranan dan perkembangan masyarakat Melayu yang berasal dari Kepulauan Melayu.<sup>1</sup> Penglibatan mereka dalam perkembangan ekonomi di zaman penjajahan British di Tanah Melayu, Borneo Utara dan Sarawak adalah jelas. Orang-orang Melayu dari Sumatera, Kalimantan, Sulawesi adalah merupakan antara suku bangsa Melayu yang turut memainkan peranan penting diperingkat awal British melaksanakan projek pembangunan infrastruktur, pertanian dan perlombongan di beberapa buah negeri Melayu. Dalam tinjauan ringkas ini perhatian akan ditumpukan kepada sejarah penghijrahan keluar<sup>2</sup> orang-orang Jawa ke Borneo Utara. Rencana ringkas ini

---

<sup>1</sup>Kawasan-kawasan yang termasuk dalam Kepulauan Melayu tinjauan ini ialah seperti Sumatera, Jawa, Borneo, Sulawesi dan Bawean. Di zaman pentadbiran Belanda, seluruh kawasan ini lebih dikenali sebagai Kepulauan Hindia Timor Belanda (Netherland East India atau Netherland India). Nama Indonesia hanya mulai digunakan dengan meluasnya selepas kawasan ini menerima kemerdekaan dari Belanda dalam tahun 1945.

<sup>2</sup>Penghijrahan keluar Orang Jawa sebenarnya merangkumi kawasan yang lebih luas dan jauh. Antaranya termasuklah kawasan Surinam, New Caledonia, Afrika Selatan, Sri Lanka, Thailand dan beberapa negeri di Tenggara Asia. Beberapa keterangan ringkas dan catatan mengenainya telah dikisahkan dalam buku-buku, jurnal-jurnal seperti Annemarie de Waal Malefijt, *The Javanese of Surinam*, Van Gorcum, Assen, 1963, Alice G. Dewey, "The Noumea Javanese An Urban Community in The South Pacific", *South Pacific Bulletin* 14, No. 4 (October), 1964, h. 18-23, 26; I.D. Du Plessis, *The Cape Malays*, Miller, Capetown, 1947, I.D. Du Plessis and C.A. Luckhoff, *The Malay Quarter and Its People*, Balkema, Capetown, 1953; John S. Mayson, *The Malays of Town*, Galt, Manchester, 1861; H. Peries, *Census of Ceylon 1953*, 1, Govt. Printing Office, Colombo, 1957; E.K. Cook, *A Geography of Ceylon*, Macmillan, Madras, 1931, h. 273-274; "Orang Jawa di Pulau Ceylon", *Lembaga*, Tahun III, bil. 78, 10hb, Januari 1938, h. 13-14, dan H.

adalah bertujuan untuk membuka jalan kepada orang-orang yang berminat untuk menulis tentang masyarakat Melayu yang berasal dari Indonesia di Borneo Utara.

Tulisan dan kajian mengenai orang-orang Jawa<sup>3</sup> berhijrah ke Borneo Utara<sup>4</sup> memang kurang mendapat perhatian di kalangan

<sup>3</sup>Untuk maklumat tentang masyarakat Jawa di Tanah Melayu sila lihat beberapa kajian ilmiah yang telah dijalankan seperti Tunku Shamsul Bahrain, 'Indonesians in Malaya', M.A. thesis, Sheffield University, Sheffield, 1964; Omardin Hj. Ashari, 'Masyarakat Jawa', latihan ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1967; Shamsudin Hitam, "Sistem Keluargaan di kalangan Orang-orang Keturunan Jawa di Muar", latihan ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1969; Khazin Mohd. Tamrin, 'Penghijrah Orang Jawa di Selangor 1880an - 1940'. Tesis M.A. Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976. Beberapa rencana juga telah diterbitkan mengenai masyarakat Jawa dari aspek penghijrahan, penempatan, peranan dan perkembangan masyarakat tersebut di Tanah Melayu dan tempat-tempat lain. Lihat misalnya rencana-rencana Tengku Shamsul Bahrain, dalam *Kajian Ekonomi Malaysia*, Vol. No. 1, 1965; *Bijdragen Tot de Taal - Land En Volkenkunde*, deel 123 January, 1967; *Asian Studies* Vol. II, 1967 *Geographica*, Vol. 6, 1970; A.B. Ramsay, "Indonesians in Malaya", *JMBRAS*, Vol. 29, Pt. 1, May 1956; Khazin Mohd. Tamrin, "Orang Jawa di Selangor: Kedatangan dan Penempatan", *Jebat*, bil. 7/8, 1977/78 - 1978/79; Khazin Mohd. Tamrin dan Sukiman Bohari, "Orang Jawa Pontian: Kedatangan dan kegiatannya dalam aspek sosio ekonomi dan politik tempatan", *Jebat*, bil. 10, April 1980/81; Khazin Mohd. Tamrin "Orang Jawa di Tanah Melayu" *Nusantara*, Bil. 8 No. 8 Jan. 1982; Khazin Mohd. Tamrin, "Satu Nota tentang Kelanang Tahun 1880an dan 1890an, *Malaysia in History*"; C.A. Lockard "The Javanese as emigrant: Observations on the development of Javanese Settlements Overseas," *Indonesia*, No. 11, April, 1971, Sementara itu Persatuan Sejarah Malaysia akhir-akhir ini banyak menerbitkan beberapa rencana yang sangat menarik tentang masyarakat Jawa. Antaranya lihat Ahmad Sukardi bin Aziz, "Notes on Javanese in Kampong Jawa Perai and Kampong Baharu, Simpang Empat, Seberang Perai," *Malaysia in History*, Vol. XXL, No. 2, Disember, 1978; Zaidi @ Udin Muslimen "Penduduk Jawa di Sarawak", dlm. Prof. Khoo Kay Kim (Penyunting), *Esei-esei Sejarah Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, K. Lumpur, 1982; Salim Hj. Tahir, "Masyarakat Jawa di Melaka", dlm. Khoo Kay Kim (Penyunting), *Melaka: Dahulu dan Sekarang*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1982.

<sup>4</sup>Selain dari Borneo Utara, Sarawak juga tidak kurang pentingnya antara negeri yang juga pernah mengalami kemasukan orang-orang Jawa. Pada tahun 1947 direkodkan melalui bancian penduduk, didapati kira-kira 2,397 orang Jawa. Di sekitar kawasan Kuching terdapat kemunculan beberapa buah pe-nempatan masyarakat Jawa seperti Kampung Jawa, Kampung Semarang dan lain-lain. Lihat, J.L. Noakes, *Sarawak and Brunei: A Report on the 1947 Population Census*, Govt. Printing Office, Kuching, 1950, h. 88; Zaidi @ Udin Muslimen, *op.cit.* h. 39-46; K.G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule*, University of Malaya, Singapore, 1958, p. 142-154; J.C. Jackson, *Sarawak*, University of London, London, 1968, h. 52, 89; V. Thompson, *Labour Problem in Southeast Asia*, Yale University, New Haven, 1947; h. 185-186.

penulis dan penyelidikan tentang Borneo Utara. Ini berbeda dengan penyelidikan mengenai kedatangan dan peranan orang-orang Cina di negeri ini yang telah banyak dibicarakan samada di kalangan sarjana Barat ataupun oleh sarjana di rantau ini sendiri.<sup>5</sup>

Meninjau kepada penglibatan orang-orang Jawa dalam proses perkembangan awal sosio-ekonomi Borneo Utara, seperti juga di tempat-tempat lain, peranan mereka pada keseluruhannya adalah sebagai golongan yang menyediakan tenaga buruh. Di zaman pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (North Borneo Chartered Company) tenaga mereka memang pernah diperlukan. Ditaksirkan 30% daripada jumlah pekerja di Borneo Utara pada tahun-tahun 1920an adalah terdiri daripada orang-orang Jawa. Dari segi sejarah kedatangan mereka, adalah wajar untuk diberi perhatian, kerana sekurang-kurangnya dapat dilihat dengan lebih luas akan kawasan yang didatangi oleh masyarakat ini.

Pada umumnya sejarah kedatangan orang-orang Jawa ke Borneo Utara dapat dikesan sejak abad yang ke sembilan belas lagi. Sehingga selepas Perang Dunia Kedua, kedatangan mereka masih terus berjalan dengan baik. Sejak tahun 1880an hingga 1940 kedatangan orang-orang Jawa ke Borneo Utara telah dikendalikan untuk memenuhi kehendak pihak Syarikat Berpiagam (Chartered Company). Syarikat ini yang sedang cuba mengembangkan sektor ekonomi pertaniannya khususnya getah telah melihat perkembangan ekonomi yang menggalakkan di Tanah Melayu sejak tahun-tahun 1880an. Untuk menggalakkan pertumbuhan kemajuan ekonominya masalah yang sama seperti di Tanah Melayu juga dihadapi oleh syarikat iaitu masalah tenaga buruh. Oleh kerana pihak Syarikat terikat dengan dasar perlindungan ke atas penduduk bumiputera, ini menyebabkan ia telah berusaha untuk membawa masuk buruh-buruh dari luar yang lebih murah. Salah satu dari alternatif utama ialah dengan menghubungi kerajaan Hindia Timor

---

<sup>5</sup> Lihat umpamanya Lee Yong Leng, *North Borneo (Sabah), A Study In Settlement Geography*, Easteran Univ. Press, Singapore, 1965; David H. Protier, *Cultural Change Among Chinese Agricultural Settlers In British North Borneo*, Ph.D. Thesis Columbia University 1964; Lihat juga Sin Fong Han, *A Study of the Occupational and Social Interaction of Overseas Chinese in Sabah, Malaysia*, Ph.D. Thesis University of Michigan, 1971; Edwin Lee, *The Towkays of Sabah (Chinese Leadership and Indigenous Challenge in The Last Phase of British Rule)*, Singapore University Press, 1976. Lihat juga pengarang yang sama, *Chinese Towkays in The Political Process of Sabah (North Borneo) From Crown Colony to Malaysian State*, M.A. thesis, Cornell University, September, 1971; H.R. Click, "The Chinese Community in Sabah and The 1963 Election". *Asian Survey*, Vol. V, No. 3 March, 1965., halaman 144–151.

(Indonesia) Belanda. Dalam masa yang sama buruh-buruh Jawa sudah mulai diimport secara formal oleh Kerajaan British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Selat. Untuk menjamin bekalan yang lancar, maka pentadbiran syarikat telah mengadakan perundingan dengan pihak Kerajaan Belanda di Hindia Timor. Dengan adanya perjanjian di antara pihak yang berkenaan, telah membolehkan pembekalan buruh-buruh Jawa ke-Borneo Utara dimulakan dalam awal tahun 1880an.<sup>6</sup> Pada tahun 1882, seramai 90 orang buruh kontrak Jawa telah di bawa masuk dari Pulau Jawa melalui Singapura dan kemudiannya dibawa ke Pantai Timur Borneo Utara untuk bekerja di ladang-ladang di kawasan Silama dekat Lahat Datu.<sup>7</sup> Untuk menjamin bekalan buruh Jawa datang dengan lebih lancar, pihak Syarikat telah membuka Pusat Pengambilan rasmi di Semarang dengan kadar keupayaan pengambilan yang mencapai hingga dua ribu orang setahun. Buruh-buruh Jawa ini dikenakan mengikat kontrek selama 3 tahun dan boleh diperbaharui selepas tamat tempoh perkhidmatan mereka. Sejak awal abad kedua puluh aliran kemasukan buruh menjadi bertambah banyak. Lee Yong Leng berpendapat bahawa tahun 1903 adalah merupakan satu masa yang baik dalam kontek kedatangan orang-orang luar yang datang ke Borneo Utara. Kedatangan mereka sebahagian besarnya adalah disebabkan Syarikat membekukan cukai beras dan pemberian elaun.

Berikutnya dengan dasar Syarikat untuk melindungi penduduk bumiputera, bermakna juga sebarang pengambilan tenaga buruh di daerah sekitar Borneo Utara adalah tidak dibenarkan. Ini menyebabkan penduduk Borneo Utara masih dalam bilangan yang terlalu kecil dibandingkan dengan kawasan yang sangat luas.

Kedatangan orang-orang Jawa walaupun dalam kadar yang agak ramai tetapi ramai pula di antara mereka yang kembali semula ke tempat asal mereka ke Pulau Jawa sebaik saja mereka tamat tempoh perkhidmatannya. Oleh kerana ciri kedatangan mereka bersifat sementara, walaupun dalam bilangan yang agak ramai, namun hanya sedikit sahaja yang bertujuan untuk bermastautin di Borneo Utara. Umpamanya dalam tahun 1907 dari seramai 8,449 orang buruh Jawa, didapati 5,068 orang telah pulang ke

<sup>6</sup> Biasanya bekalan buruh hanya dapat dilakukan setelah melalui permohonan yang dibuat melalui wakil Kerajaan Belanda di Negeri-negeri Selat atas kebenaran Govenor-Jeneral di Jawa dengan permit khas. Lihat, *Official Gazette, North Borneo*, 1914, h. 10.

<sup>7</sup> K.G. Tregonning, *A History of Modern Sabah*, University Malaya Press, Singapore, 1965, h. 142.

<sup>8</sup> Lee Yong Leng, *op. cit.*, h. 33.

Jawa.<sup>9</sup> Mereka yang mengambil keputusan untuk menetap adalah di antara orang-orang yang mempunyai sebab-sebab peribadi, selain dari faktor ekonomi yang memang merupakan faktor yang jelas.

Kedua-dua pihak Syarikat dan Kerajaan Belanda, amat mengambil berat mengenai kebaikan buruh-buruh Jawa, ini berbanding dengan buruh-buruh lain. Sehingga tahun 1914, pihak Belanda sering menghantar wakilnya untuk memeriksa keadaan buruh-buruh Jawa di beberapa buah ladang di Beaufort dan kawasan Tawau.

Keadaan yang memuaskan menyebabkan pihak Belanda telah menawarkan perkhidmatan kapalnya sendiri, Royal-Inter Ocean, untuk mengangkut secara langsung buruh-buruh dari Pulau Jawa ke Borneo Utara.<sup>11</sup> Pusat pendaratan dan pengumpulan adalah di Jesselton,<sup>12</sup> di mana dari sini mereka akan dibahagi-bahagikan kepada ladang-ladang yang memerlukan. Purata keperluan buruh di setiap ladang pada ketika itu ialah 20 orang.<sup>13</sup>

Kadar peningkatan migrasi orang-orang Hindia Timor Belanda ke Borneo Utara meningkat antara tahun-tahun 1911–1921 tetapi kemudiannya imigrasi mereka mulai merosot. Sebahagian besar daripada penghijrah-penghijrah itu adalah terdiri dari orang-orang Jawa.<sup>14</sup> Pada tahun-tahun 1920an kemasukan orang-orang Jawa khususnya, semakin kurang kerana kemerosotan ekonomi dunia. Adalah ditaksirkan kira-kira antara 200 hingga 400 orang saja orang-orang Jawa yang masuk ke Borneo Utara.<sup>15</sup> Keadaan ini pula ditambah dengan adanya sekatan ke atas pembaharuan kontrek buruh oleh Kerajaan Belanda pada tahun 1930. Menurut ka-

<sup>9</sup> *Ibid.*, h. 34.

<sup>10</sup> Tregonning, *op.cit.*, h. 143, lihat juga *Official Gazette, North Borneo*, 1914, h. 10 dan *Official Gazette, North Borneo*, 1918, h. 203. Kerajaan Belanda memang begitu sensitif dengan kebaikan buruh-buruh Jawa yang terdapat di luar Indonesia. Belanda sentiasa mempersoalkan keadaan prospek mereka di Malaya walaupun telah diberi jaminan oleh Kerajaan British Melaya.

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> Sekarang dipanggil *Kota Kinabalu*. Sebelum Jesselton, ia disebut *Api-api*.

<sup>13</sup> Tregonning, *op.cit.*, h. 143.

<sup>14</sup> Lee Yong Leng, *op.cit.*, h. 49, lihat juga *Official Gazette North Borneo*, h. 52. Disebutkan bahawa pada tahun itu saja terdapat '19 shipments' orang-orang Jawa dengan jumlah 892 orang semuanya.

<sup>15</sup> Tregonning, *op.cit.*, h. 143.

jian Lee Yong Leng bahawa “ . . . the recruiting arrangements formerly made with the Dutch Government. The final contract on Javanese labour was last renewed in 1930, so that it is not surprising that by 1933 the proportion of Javanese labour compared to the rest had sharply dropped.<sup>16</sup> Akibatnya pada tahun 1934, hanya terdapat seramai 1,489 orang buruh Jawa yang ada di Borneo Utara dan kebanyakannya adalah terdiri dari orang-orang perempuan.<sup>17</sup> Menyedari kekurangan ini pihak Syarikat telah berusaha semula untuk mengambil buruh-buruh Jawa lagi. Pada tahun 1938 umpamanya, sekali lagi diadakan persetujuan dengan pihak Belanda untuk mendapatkan buruh bebas dari Pulau Jawa, bagi menyambung semula kemasukan buruh-buruh Jawa yang telah merosot itu. Bagaimanapun, keadaan menjadi bertambah rumit dan kusut bila menjelang tahun 1940 an di mana pergolakan politik dunia mulai terasa dengan kebangkitan kuasa tentera Jepun di Timur Jauh dan juga pergolakan politik di Hindia Timur Belanda di antara tahun 1945–1949. Secara langsung ini telah mempengaruhi aliran masuk buruh-buruh Jawa. Hal ini juga mendapat perhatian dari pihak pentadbiran Borneo Utara. Laporan tahunan Borneo Utara pada tahun 1949 menyebutkan antara lain bahawa, “The disturbed political condition in Southeast Asia in 1949, however, severely restricted the free movement of migrant labour and made the problem of recruitment from outside the Colony difficult. For example, it has not yet been possible to resume the recruitment by employers”.<sup>18</sup> Keadaan ini dapat dilihat dengan merosotnya jumlah buruh-buruh Jawa yang mana hanya berpusat di sekitar Pulau Labuan sahaja. Pada awal bulan Januari tahun 1941 terdapat sejumlah 2,333 orang buruh Jawa, manakala pada tahun 1949 hanya kira-kira 209 orang sahaja lagi yang tinggal di Pulau tersebut.<sup>19</sup> Jumlah buruh di Borneo Utara pada tahun 1949 adalah berjumlah 18,298 orang, dari jumlah ini 2,259 orang sahaja buruh-buruh Jawa.<sup>20</sup>

Dengan kedatangan tentera Jepun pada tahun 1941 dan sepeninggalan pihak pentadbiran syarikat dari Borneo Utara, me-

<sup>16</sup> Lee Yong Leng, *op.cit.*, h. 48. Di Tanah Melayu juga didapati bahawa pihak British telah menggalakkan penggunaan buruh bebas. Keadaan ini wujud kerana Belanda telah berura-berura untuk memansuhkan buruh kontrek Jawa pada tahun 1930an.

<sup>17</sup> Tregonning, *op.cit.*, h. 143.

<sup>18</sup> Colonial Report, North Borneo 1949, h. 13.

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> *Ibid.*

nyaksikan pendedahan negeri itu kepada kuasa tentera Jepun yang nampaknya berminat dalam sektor ekonomi pertanian. Dengan ini sekali lagi bermulalah kemasukan buruh-buruh Jawa yang berbentuk paksa (romusha) ke Borneo Utara. Dari sebuah kajian mengenai masyarakat Sabah, Sarawak dan Brunei menyatakan, "The Japanese occupiers, of course, recruited labour at random, and by force during World War II. This did not reflect local precedent but rather the arbitrary power at the occupation forces to apply punitive measure as well as to seek economic ends".<sup>21</sup>

Tindakan Jepun adalah semata-mata untuk mengisi kekosongan kerja-kerja di ladang-ladang getah yang telah ditinggalkan. Pihak Jepun juga berusaha dengan membawa buruh-buruh dari luar khususnya dari Pulau Jawa.<sup>22</sup> Beribu-ribu orang-orang Jawa telah dibawa masuk ke Borneo Utara secara paksa sejak awal tahun 1942 lagi. Mereka dibawa melalui Jakarta dan Singapura kemudian diturunkan di Jesselton untuk menjalankan kerja-kerja yang diarahkan oleh tentera Jepun.<sup>23</sup>

Kira-kira 1,400 orang telah dibawa menaiki kapal pada tahun tersebut dengan keadaan yang sungguh menyedihkan. Disebabkan oleh sistem kesihatan yang buruk, ramai di antara mereka yang mati dalam pelayaran dan dibuang ke laut.<sup>24</sup> Dalam satu kenyataan lain pula, terdapat juga kapal-kapal Jepun dari Jawa yang membawa seramai 7,000 hingga 7,500 orang buruh-buruh paksa Jawa dibawa masuk ke Sabah,<sup>25</sup> sementara di Kudat pada masa itu ditaksirkan telah ada kira-kira 1,600 orang buruh paksa Jawa yang kemudian tinggal kira-kira 400 orang sahaja selepas tahun 1943.<sup>26</sup>

Oleh kerana ketiadaan rekod di zaman Jepun menyebabkan sukar untuk mendapat perangkaan yang lengkap dan dapat ditanggungjawabkan mengenai buruh-buruh paksa Jawa di Borneo Utara. Anggaran di atas juga adalah merupakan pemerian yang diberikan oleh responden-responden yang juga berasal dari Jawa. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa ramai daripada mereka yang

<sup>21</sup> Human Relation Area Files Staff, *North Borneo, Brunei, Sarawak (British Borneo)* Greenwood Press Publisher, Connecticut, 1973, h. 167.

<sup>22</sup> H.M. Baker, *Sabah: The First Ten Years As A Colony, 1946–1956*, Malaysia Publishing House Ltd., Singapore, 1965, h. 105.

<sup>23</sup> Temuramah dengan Bapak Pomo Gromo.

<sup>24</sup> Temuramah dengan Bapak Sadimon Torjo.

<sup>25</sup> Temuramah dengan Bapak Taha Komo dengan kenyataan Tuan Haji Jamal Karia @ Kariorijo.

<sup>26</sup> Temuramah dengan Bapak Aripin Wongsopawiyo.

mati dalam masa perang sama ada akibat bom-bom sesat, dianinya oleh Jepun atau mati kerana penyakit kolera.<sup>27</sup> Laporan resmi Kerajaan tahun 1949 antara lain menyebutkan, "to a certain extent these losses were offset by Japanese on the promise of a land of milk and honey. Many of these labourers died, but there are no reliable records either of the numbers brought in or those who now remain. . ."<sup>28</sup> Sejumlah yang tinggal menetap di Borneo Utara pada masa ini telah diberi peluang untuk balik ke negeri asal mereka pada tahun 1946 tetapi ramai antaranya yang memilih untuk tinggal menetap di Borneo Utara. Dengan ini bermakna muncul penempatan orang-orang Jawa di Borneo Utara. Laporan kerajaan seterusnya menyatakan, ". . . there is a small number of Javanese in Sabah. In many cases they were brought here by the Japanese and those who elected to remain when given the opportunity of being repatriated in 1946".<sup>29</sup> Sejak tahun 1946 untuk mendapatkan buruh-buruh Jawa adalah merupakan suatu masalah yang amat sulit. Ini ditambah lagi dengan pergolakan di Hindia Timor Belanda berikut dengan kemunculan revolusi kemerdekaan yang sedang memuncak. Dalam masa yang sama juga pihak Syarikat telah menyerahkan kuasa pentadbiran Borneo Utara kepada pihak Kerajaan Inggeris. Walaupun ada usaha untuk menyambung kemasukan buruh-buruh Jawa pada tahun 1947 dengan persetujuan Belanda tetapi telah terhenti pada pertengahan tahun 1948.<sup>30</sup>

Disebabkan oleh kerumitan inilah maka pihak British telah mula mengalihkan perhatian bagi sumber buruh daripada orang-orang Jawa kepada suku-suku lain di Kepulauan Melayu juga. Umpamanya terdapat usaha untuk membawa masuk seramai 505 orang buruh daripada Pulau Kokos pada tahun 1949 yang kemudiannya ditempatkan di kawasan-kawasan seperti di Tawau dan sekitar Teluk Darvel.<sup>31</sup> Selain daripada itu, orang-orang Iban dan Dayak dari Sarawak juga telah digalakkan memasuki Borneo Utara untuk menggantikan tempat buruh-buruh Jawa.<sup>32</sup> Keadaan ini berterusan sehingga kepada menjelangnya kemasukan Borneo Utara dalam Malaysia pada tahun 1963. Pada masa ini, aliran kemasukan buruh dari Kalimantan seperti orang-orang Bugis, Ban-

<sup>27</sup> Kenyataan oleh Bapak Pomo Gromo.

<sup>28</sup> *Colonial Report, North Borneo*, 1949, h. 8.

<sup>29</sup> *Ibid.*, h. 9–10.

<sup>30</sup> Baker, *op.cit.*, h. 12.

<sup>31</sup> Lihat *Annual Report of North Borneo*, 1950, h. 10. Terutamanya di Hems Estate dan Syarikat Borneo Abaca, kedua-duanya di Tawau.

<sup>32</sup> *Ibid.*

jar, Bolongan, Timores dan orang-orang Sarawak seperti yang disebutkan tadi, berterusan meskipun bukanlah sumber buruh yang penting untuk negeri itu buat masa ini.

Selain daripada buruh-buruh kontrek Jawa dari Pulau Jawa, terdapat juga buruh-buruh bukan kontrek dari Jawa yang datang atas usaha sendiri ke Borneo Utara pada dekad pertama abad ke 20. Mereka datang bersama-sama angkatan buruh-buruh kontrek dengan tujuan untuk mendapatkan mata pencarian di negeri itu. Jumlah kemasukan mereka ke Borneo Utara dapat dilihat dalam jadual berikut:-

JADUAL I: IMIGRASI BURUH BEBAS JAWA

Tahun	Lelaki	Perempuan	Kanak-kanak	Jumlah
1914	1	21	31	53
1915	3	14	33	50
1916	3	20	10	33
1917	1	94	85	180
1918	1	59	73	133
Jumlah	9	208	232	449

Sumber: *Official Gazette North Borneo*, 1918, h. 52

Dari Jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa kemasukan orang-orang Jawa bebas adalah sebahagian besarnya terdiri daripada orang-orang perempuan dan kanak-kanak. Faktor kedatangan mereka umumnya adalah akibat tekanan bilangan penduduk yang ramai dan keadaan kesempitan ekonomi di Pulau Jawa. Beberapa faktor sosial dan peribadi amat kuat mempengaruhi keputusan mereka untuk berhijrah. Walau bagaimanapun mereka yang masih hidup masih tidak dapat memberikan keterangan yang jelas mengapa Borneo Utara menjadi tumpuan dan bukan Tanah Melayu yang lebih dekat dengan Jawa. Tetapi andaian dapat dibuat di sini, kemungkinan kerana dalam masa yang sangat mendesak itu, Borneo Utara merupakan kawasan kebetulan banyak digambarkan oleh orang-orang yang pernah berkhidmat di situ. Atau peranan Pusat Pengambilan di Semarang sangat berkesan dalam usahanya menarik minat bakal-bakal buruh. Di antara mereka ada antaranya yang terlibat dalam sektor pertanian getah.

Jadual II dapat menunjukkan peranan mereka sebagai buruh ladang di kawasan yang berkenaan. Bagaimanapun buruh-

**JADUAL II: BURUH BEBAS JAWA YANG BEKERJA DALAM SEKTOR PERTANIAN LADANG GETAH, KELAPA, TEMBAKAU, PADA TAHUN 1915.**

Kawasan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Pantai Barat	201	15	216
Pendalaman	26	0	26
Tawau	16	60	76
Sandakan	142	0	142
Kudat	58	25	83
Jumlah	443	100	543

Sumber: *Official Gazette North Borneo*, 1915.

buruh ini, tidak menandatangani sebarang kontrek bertulis tetapi hanya melalui perjanjian secara lisan sahaja.<sup>33</sup>

Walaubagaimanapun, kemasukan orang-orang Jawa melalui kontrek secara lisan ini tidak begitu berkembang seperti yang terdapat di Tanah Melayu. Namun begitu fakta ini masih perlu untuk diselidiki dengan lebih lanjut dan teliti. Salah satu cara untuk mengatasinya ialah dengan cara menjalankan temuramah di kawasan penempatan orang-orang Jawa. Sementara itu di kalangan wanita Jawa yang terlibat dalam pekerjaan sebagai buruh mengikut kontrek secara lisan ini, sebahagian besar daripada mereka tidak kembali ke Pulau Jawa kerana terikat melalui perkahwinan dan juga faktor-faktor lain.<sup>34</sup>

Meninjau aspek penempatan orang-orang Jawa ini, sebahagian besarnya adalah dipengaruhi oleh kedudukan ladang di mana mereka pernah bekerja. Manakala di kalangan bekas buruh-buruh paksa Jepun mana-mana yang berjaya melaikan diri, kebanyakannya menuju ke kawasan-kawasan pendalaman.<sup>35</sup> Ini menyebabkan tidak ada penempatan mereka yang khusus dan amat sukar dikesan. Mereka didapati menetap merata daerah mengikut arah

<sup>33</sup> Kontrek bentuk ini disebut dalam *Official Gazette, North Borneo 1915*, dalam kertas lampirannya (tanpa halaman).

<sup>34</sup> Lihat Tregonning, *op.cit.*, h. 143.

<sup>35</sup> Temuramah dengan Bapak Pomo Gromo, Tuan Haji Jamal Karia @ Kariorijo dan Bapak Aripin Wongsopawiyo. Mereka terpaksa berjalan kaki berpuluhan-puluhan batu ke Pendalaman untuk mengelakkan Jepun.

masing-masing. Sedangkan di kalangan buruh-buruh kontrek di zaman pentadbiran syarikat, mereka boleh dikatakan tersebar mengikut kedudukan ladang atau syarikat yang memberikan mereka peluang pekerjaan. Dari Jadual III, dapat dilihat taburan awal orang-orang Jawa di Borneo Utara.

JADUAL III: ORANG JAWA DI BORNEO UTARA DARI TAHUN 1915—1919.

Kawasan	Tahun 1915	Tahun 1919
1. Residensi Tawau	541	1135
2. Residensi Pendalaman	308	641
3. Residensi Pantai Barat	956	2667
4. Residensi Sandakan	415	1306
5. Wilayah Kudat	479	686
Jumlah	2699	6435

Sumber: *Official Gazette North Borneo*, 1915 dan 1919.

Sungguhpun ramai orang Jawa tinggal di Pantai Barat, kebanyakannya daripada mereka ini tinggal dan menetap di bahagian Pantai Timur (Sandakan dan Tawau).<sup>36</sup>

Orang Jawa Pantai Barat kebanyakannya telah pulang semula ke Pulau Jawa berikutan dengan sistem perhubungan lautnya yang baik pada masa itu berbanding dengan Pantai Timur. Ini berlaku terutamanya selepas pemansuhan sistem kontrek pada tahun 1934. The New Darvel Bay Tobacco Company, di Teluk Darvel Lahad Datu, umpsamanya telah mengusahakan 641 ekar kebun untuk tujuan pertanian tembakau dan getah dengan jumlah buruhnya 2,250 orang yang terdiri daripada orang-orang Cina, Jawa dan Melayu. Ini diikuti pula oleh The Borneo Proprietary Estate Limited, yang juga telah membuka 120 ekar kebun untuk tujuan yang sama dengan jumlah buruh seramai 330 orang terdiri daripada orang-orang Cina dan Jawa.<sup>37</sup> Setelah tamat tempoh perkhidmatan, mereka telah diberikan bidang-bidang tanah untuk dikerjakan bagi tujuan pertanian persendirian.<sup>38</sup>

<sup>36</sup> Lee Yong Leng, *op.cit.*, h. 34—35.

<sup>37</sup> *Official Gazette North Borneo* 1914, h. 34.

<sup>38</sup> Lihat Tregonning, *op.cit.*, h. 144.

Di Sandakan sahaja ladang-ladang getah kepunyaan pengusaha-pengusaha Eropah dan juga kepunyaan pihak Syarikat sendiri telah memberikan 3,780 pekerjaan di mana 415 daripadanya adalah terdiri daripada orang-orang Jawa. Walau bagaimanapun, kebanyakannya mereka tidak terlibat dalam sektor pertanian tebu, kelapa, gambir dan lain-lain.<sup>39</sup>

Di bahagian Pantai Barat dan Pendalaman, kebanyakannya orang-orang Jawa mendiami kawasan-kawasan perladangan getah seperti di Petagas, Putatan, Papar, Membakut, Beaufort, Keningau, Toman dan Tenom. Di sini terdapat beberapa buah kampung yang majoriti penduduknya adalah orang-orang Jawa. Antaranya ialah Kampong Jawa di Melalap, Kampong Cinta Mata Angan-Angan, Kampong Saga, Kampong Batu-Batu, Kampong Karangan Baru (Majoriti) dan Paal Sebarang. Kebanyakannya daripada mereka telah mempunyai kebun sendiri.

Orang-orang Jawa di Pantai Barat juga didapati di beberapa kawasan seperti di sekitar Kota Kinabalu (Jesselton), Tuaran, Kota Belud dan Telipok. Tetapi penempatan mereka bukanlah berpusat tetapi berselerak. Hal ini dapat dilihat dengan adanya 17 buah syarikat yang menjalankan usaha perladangan getah sehingga masa kini.<sup>40</sup>

Penempatan mereka juga didapati di bahagian Utara iaitu di kawasan Kudat. Umpamanya sejak tahun 1915 telah ada seramai 479 orang buruh-buruh Jawa dan antara lain tumpuan mereka ialah di daerah-daerah Ranau, Bandau, Kota Marudu dan Pitas.<sup>41</sup> Kini mereka mengusahakan tanam-tanaman seperti getah, kopi, koko, padi dan beberapa lagi jenis tanaman kontan. Ini memberikan pendapatan yang relatifnya lumayan kepada mereka.

Semasa pentadbiran Syarikat, kedudukan mereka sebagai buruh sentiasa mendapat perlindungan. Selain daripada Pegawai Pelindung Buruh yang khusus dilantik oleh pihak Syarikat, para Pegawai Daerah juga turut bertanggungjawab menjaga kebajikan mereka.<sup>42</sup> Buruh-buruh Jawa diletakkan di bawah pengawasan Pesuruhjaya Buruh Jawa (Commissioner of Javanese Labour). Pada tahun 1918 jawatan ini dipegang oleh Van Hemert yang sentiasa mengadakan pemeriksaan rapi ke atas keadaan buruh

<sup>39</sup> *Official Gazette North Borneo 1915*, (Lampiran data).

<sup>40</sup> Lihat *Official Gazette North Borneo 1915*, (Annual Report) disebutkan dalam lampiran data.

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> *Colonial Report, North Borneo 1949*, h. 16. Lihat juga Surat kepada Assistant Protector Tenom bertarikh 19.8.1948 (Bil. 107/47/13) bertajuk "Protectorate Inspection of Places of Labour."

Jawa setiap empat bulan sekali.<sup>43</sup> Demikian juga dengan lawatan-lawatan oleh Pegawai Kesihatan dan Pegawai Pelindung sering dilakukan untuk mempastikan kesejahteraan buruh-buruh tersebut.<sup>44</sup>

Dari segi upah, pada peringkat awalnya, pada tahun 1915 mereka menerima 33 sen<sup>45</sup> sehari atau ada juga yang menerima bayaran \$10.80 sebulan<sup>46</sup> kemudahan perumahan dan beberapa kemudahan lain. Dari segi layanan yang diterima di sini boleh dikatakan kehidupan buruh-buruh Jawa agak lumayan juga. Di bawah pentadbiran British, Kerajaan sentiasa memandang berat akan masalah tempat tinggal mereka.<sup>47</sup>

Daripada beberapa fakta awal yang ringkas ini, dapat diketengahkan akan kepentingan peranan buruh-buruh Indonesia di Hindia Timur Belanda khususnya di kalangan orang-orang Jawa yang telah membantu perkembangan awal negeri ini. Kenyataan Lee Yong Leng yang menyatakan, "The immigration of Indonesia into North Borneo was important to its economy in the early days of Chartered Company"<sup>48</sup> adalah wajar. Oleh itu penghijrahan orang-orang Jawa sejak akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20 adalah amat bererti dalam sejarah awal perkembangan sosio-ekonomi Borneo Utara, walaupun dalam banyak hal mereka bukanlah faktor dominan dalam pembekalan tenaga buruh buat masa itu. Tetapi nota awal yang ringkas ini semoga dapat menunjukkan kepentingan mereka dalam sejarah negeri Sabah.

<sup>43</sup> *Official Gazette North Borneo*, 1918., h. 203.


<sup>44</sup> *Official Gazette North Borneo*, 1918, h. 10.

<sup>45</sup> Tregonning, *op.cit.*, h. 144.

<sup>46</sup> Temuramah dengan Bapak/Wak Minggo Umar. Bagaimanapun Bapak/Wak Sakjan Ahmad mengatakan ia mendapat gaji sebanyak \$12.00 dengan segala kemudahan asas yang lainnya percuma.

<sup>47</sup> Mengenai ini lihat Bil. A. 901/22, 28/4/1953; Arahan kepada pihak majikan supaya memperbaiki keadaan perumahan pekerja-pekerja yang dianggap amat rendah mutunya.

<sup>48</sup> Lee Yong Leng, *op.cit.*, h. 48.



PENEMPATAN ORANG-ORANG JAWA 1915.